

16/08/1999

PM mulakan lawatan tiga hari

Hafifi Hafidz in Khabarovsk (Russia)

KHABAROVSK (Russia), Ahad - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad tiba di sini malam ini untuk melakukan lawatan kerja selama tiga hari ke Khabarovsk.

Ketibaan Perdana Menteri dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali disambut oleh Gabenor Pentadbiran Wilayah Khabarovsk, Victor Ishaev dan isteri, Lyubov Isheava Ketua Jabatan Hal Ehuwal Luar Russia, Mikhail Belyi serta pegawai-pegawai tinggi tentera negara ini.

Dr Mahathir dan isteri tiba dengan pesawat kerajaan Malaysia Canadair S E selepas 10 jam perjalanan termasuk singgah di Wuhan, China selama tiga jam.

Beliau kemudian memeriksa barisan tentera darat, laut dan udara sebelum diperkenalkan kepada pegawai pentadbir dan ketua-ketua turus angkatan tentera.

Terdahulu, rombongan Perdana Menteri yang turut disertai Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar dan Menteri Pertahanan, Datuk Abang Abu Bakar Mustapha tiba di lapangan terbang antarabangsa Khabarovsk menaiki jet Falcon 900.

Perdana Menteri dan rombongan yang menginap di Rumah Tetamu di sini juga diperkenalkan kepada kakitangan Rimbunan Hijau, satu-satunya syarikat Malaysia yang melabur di ibu kota ini.

Esok, Dr Mahathir akan mengadakan mesyuarat pelbagai hala dengan Ishaev pada pagi dan kemudian menaiki pesawat ke Komsomolsk-na Amure untuk melawat kilang membuat kapal terbang.

Bandar industri penerbangan itu yang terletak di selatan Khabarovsk, dibangunkan pada tahun 30-an bagi menghasilkan pelbagai pesawat ketenteraan. Kilang itu adalah antara tiga pusat pengeluaran utama kapal terbang dan helikopter yang kini bergiat untuk tujuan komersil.

Dr Mahathir dan rombongan akan mengadakan perbincangan dengan Persatuan Pengeluar Pesawat Komsomolsk-na-Amure diikuti majlis makan tengah hari.

Rombongan Perdana Menteri akan berlepas pulang ke sini pada petangnya untuk melawat ibu pejabat kumpulan Rimbunan Hijau.

Perdana Menteri dan Dr Siti Hasmah akan diraikan pada satu majlis makan oleh Ishaev dan isteri pada sebelah malam.

Pada Selasa, Dr Mahathir diiringi Ishaev akan berada di dermaga pembinaan kapal di sini untuk meninjau operasi industri itu di sekitar St Suvorona. Beliau kemudian akan menaiki kapal menyusuri Sungai Amur diikuti majlis makan tengah hari.

Pada petangnya, Dr Mahathir akan melawat Muzium Etnik Wilayah Russia, galeri Seni Halus dan menghadiri satu pertunjukan orkestra.

Sebelum berlepas ke Beijing, China pada Rabu, Perdana Menteri dijangka melawat "Khabarovsk Central Grocery Store" dan Pasar Seni dan Budaya.

Dr Mahathir dan rombongan akan kembali semula ke Russia pada 20 Ogos untuk meneruskan lawatan ke Ulan Ude, ibu negara Republik Buryatia. Beliau akan berlepas pulang ke tanah air pada 23 Ogos.

Ini adalah lawatan pertama Perdana Menteri ke Khabarovsk. Sebelum ini pernah melawat beberapa negara Komanwel Merdeka (CIS) selepas bekas Soviet Union itu berpecah. Antara negara yang dilawati beliau ialah Kazakhstan, Kyrgystan, Uzbekistan dan Turkemistan.

(END)